

Senarai Semak Penyetempatan

Sebelum anda mula menyetempatan


Semak untuk melihat tempat di dunia yang kandungan anda sedang dilihat, kemudian jalankan [laporan geo Google Analytics](#) untuk mengetahui lebih lanjut tentang negara dan bahasa yang digunakan.

Usaha menyetempatan seluruh laman web boleh menjadi agak sukar. Anda boleh menterjemahkan kandungan anda yang paling popular atau 'tidak dapat dilupakan' buat masa ini. Tindakan ini akan mempercepatkan masa ke pasaran anda dan membantu anda memaksimumkan nilai jangka panjang kandungan anda.

Kaji privasi dan undang-undang perlindungan data pasaran baharu anda. Di Eropah, contohnya, anda perlu mempertimbangkan GDPR dan memastikan laman anda memenuhi keperluan undang-undang serantau. Perkara ini agak rumit, jadi berunding dengan penasihat undang-undang anda sebelum melakukan perkara ini.

Penyetempatan juga boleh menjadi agak sukar. Hamparan ringkas sesuai untuk projek yang kecil, tetapi gunakan sistem pengurusan terjemahan bagi projek yang lebih besar. Perkara ini juga akan membantu anda melancarkan proses dan memberi anda masa tambahan/ciri penjimatan kos seperti 'memori terjemahan'.

Pertimbangkan platform dan reka bentuk laman web anda. Bolehkah laman web tersebut diterjemahkan dalam berbilang bahasa? Ruang dan reka letak juga perkara penting. Contohnya, perkataan Jerman cenderung lebih panjang daripada perkataan Inggeris dan akan mengisi halaman dengan cepat. Bahasa lain, seperti Arab, dibaca dari kanan ke kiri – dan sesetengah laman tidak boleh mengendalikan aksara khas. Kami mengesyorkan agar anda menggunakan Unicode (UTF-8), kerana ciri ini menyokong semua aksara, dalam sebarang bahasa.



Petua terjemahan

- 01 Penterjemah dalam talian sesuai untuk kegunaan harian, tetapi kepada penutur asli, kandungan anda berkemungkinan tidak baik, atau lebih buruk lagi, tidak sesuai. Perkara ini sepatutnya dielakkan.
- 02 Tindakan mengupah penterjemah tempatan yang berkecuali akan memastikan terjemahan anda bukan sahaja tepat, malah sesuai dengan budaya dan mudah difahami pengguna. Kebanyakan komuniti melakukan sumber khalayak terjemahan antara mereka, yang boleh menjadi cara yang pantas dan berkesan untuk menyumbangkan kandungan berkualiti tinggi daripada khalayak sedia ada anda.
- 03 Ragam kolokial dan frasa umum seperti "the best of both worlds" atau "call it a day" sesuai dalam bahasa Inggeris, tetapi tidak dapat diterjemahkan dengan mudah. Sentiasa alih keluar atau gantikan sebelum disetempatan.
- 04 Pertimbangkan untuk menggunakan glosari bagi kandungan anda yang menyenaraikan frasa paling biasa dan sama ada frasa tersebut perlu diterjemahkan. Anda juga boleh memberikan panduan tentang perkataan jenama dan cara jenama tersebut perlu dipaparkan.
- 05 Gunakan Universal Language Selector (ULS) di laman anda. Perkara ini memberi pengguna cara yang mudah dan fleksibel untuk mengkonfigurasi bahasa mereka semasa membaca kandungan anda.

- 06 Laman web anda akan memaparkan kandungan untuk bahasa dan lokasi berlainan tidak lama lagi, jadi pastikan anda mengikut amalan terbaik SEO antarabangsa. Contohnya, gunakan [teg hreflang](#) untuk memastikan Google tahu versi laman anda yang perlu diterbitkan.



Menyemak penyetempatan anda

Sentiasa semak sama ada tarikh, simbol dan mata wang anda berada dalam format yang betul untuk setiap negara. Contohnya, di UK, tarikh lazimnya dipaparkan sebagai HH/BB/TT, sementara di AS, format ialah BB/HH/TT. Tempat perpuluhan dan pemisah ribu juga perlu disesuaikan kepada kebiasaan serantau.

Pastikan imej anda sensitif budaya dan sebarang bahasa yang ditindan diterjemahkan. Sebaik-baiknya, pilih gambar tanpa sebarang teks terbenam, kerana ini akan menjadikan terjemahan anda lebih sukar dan hanya menambah kos tambahan.

Semak sama ada fon anda berfungsi dengan baik dalam bahasa baharu anda dan pastikan kandungan mudah dibaca. Cuba gunakan fon Google untuk menguji merentas berbilang bahasa dan pilih yang berfungsi terbaik bagi semua bahasa.

Sentiasa ingat tentang kepentingan kebudayaan warna yang berlainan. Contohnya, di Amerika Utara dan Eropah, warna biru boleh bermakna kepercayaan dan ketenangan, tetapi di China, warna ini dikaitkan dengan perayaan atau keraian.

Sebelum diterbitkan, minta penutur asli menyemak laman anda untuk memastikan laman tersebut mudah dibaca. Kelajuan sambungan berbeza-beza di seluruh dunia, jadi minta mereka menyemak masa pemuatan anda.



Selepas diterbitkan

Setelah laman anda disetempatan, beritahu khalayak anda bahawa laman anda telah diterbitkan dengan mempromosikan laman tersebut dalam talian dan menerusi media sosial.

Anda juga perlu menyemak sama ada penyetempatan anda mencapai matlamat asal anda. Google Analytics boleh membantu dalam perkara ini, kerana ciri ini menunjukkan bilangan pelawat ke laman anda, tempoh masa mereka berada di situ, malah kadar lantunan untuk setiap bahasa. Selain itu, jika anda mengewangkan laman, anda boleh mengukur kesan pada hasil daripada khalayak baharu.

Penyetempatan memakan masa dan perancangan yang teliti, tetapi menggunakan senarai semak dan petua popular kami, anda akan dapat mewujudkan kandungan hebat yang disukai khalayak anda.